

07 JUL 1998

MAHATHIR RASMIKAN PERSIDANGAN PENTADBIRAN KORPORAT

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan persidangan antarabangsa seratus tahun Pendaftar Syarikat (ROC) berkaitan pentadbiran korporat di sini.

Persidangan dua hari itu, yang dihadiri kira-kira 220 peserta akan membincangkan enam kertas kerja dan memulakan perubahan ke arah standard dan amalan yang seragam di seluruh dunia.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

-- BERNAMA

AFY RI